



KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Tender	Taklimat Tender
TENDER MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGINTEGRASI, MENGUJILARI, DAN MENTAULIAH PERALATAN DAN PERISIAN BAGI PROJEK MENAIK TARAF SISTEM KAWALAN KESELAMATAN BANGUNAN BERNAMA (SKKBB) DI BANGUNAN WISMA BERNAMA NO. RUJUKAN : BER/TDR/02/2025	120401 120502 210101 210102 210105 220402 220503	06 Mei 2025 (Selasa) jam 12.00 tengah hari Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	14 April 2025 (Isnin) (Kehadiran digalakkan)

Dokumen Tender boleh didapati selepas taklimat tender mulai tarikh 14 April 2025 (Isnin) pada waktu pejabat (9.00 Pagi – 5:30 Petang) di Bahagian Perolehan BERNAMA, Tingkat 6, Wisma BERNAMA, Off Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur dengan menyertakan wang pos/kiriman wang pos/ bank deraf/ tunai berharga RM150.00 yang dibuat atas nama Pertubuhan Berita Nasional Malaysia kepada Akauntan (Bahagian Terimaan).

Syarikat wajib berdaftar sebagai pembekal BERNAMA di laman web <https://myvendor.bernama.com/login>

Satu sesi taklimat akan diberikan dan kehadiran adalah digalakkan. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akaun Pendaftaran Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 14 April 2025 (Isnin)
 Masa : 10.30 pagi
 Tempat : Taklimat Atas Talian

Syarikat perlu mengisi borang pengesahan kehadiran taklimat (Borang Pengesahan Kehadiran Taklimat Tender) dan diemalkan kepada Urus Setia Perolehan selewat-lewatnya sebelum 14 April 2025 (Isnin).

Syarikat wajib mengemukakan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang masih aktif untuk menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai tender ini.

Syarikat perlu memuatnaik dokumen tawaran berserta dokumen-dokumen sokongan di laman web MyVendor BERNAMA dan menghantar secara manual dalam peti tender pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari, 06 Mei 2025 (Selasa) di alamat berikut:

Bahagian Perolehan
 Tingkat 6, Wisma BERNAMA
 28, Jalan BERNAMA,
 Off Jalan Tun Razak,
 50400 Kuala Lumpur
 (u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)
 No Tel : 03-2631 1685
 E-mel : haniiah.ahya@bernama.com

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai Dokumen Tender boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang di e-mel kepada alamat di atas.

Tawaran Tender yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana Arahan Tender tidak akan dipertimbangkan.